

Model Analisis Keperluan Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam

Mohammad Najib Jaffar

najib@usim.edu.my

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia

Mohammad Imran Ahmad

imranahmad@kuis.edu.my

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membina satu asas Model Analisis Keperluan Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam melalui Integrasi Naqli dan Aqli. Selain itu ia juga untuk mengimplementasikannya mengikut keutamaan di bandar Kuala Lumpur yang menjadi tumpuan para pelancong Arab. Sampel kajian terdiri daripada para pelancong Arab yang ditemui di sekitar bandaraya itu. Borang kaji selidik diberikan kepada mereka untuk melihat respon mereka. Dapatan utama kajian ini boleh dilihat daripada pelbagai aspek. Antaranya, faktor utama tarikan pelancong Arab ke Malaysia ialah makanan yang halal dan perkhidmatan hotel patuh syariah. Dari aspek penggunaan bahasa Arab pula, terdapat beberapa kekurangan (*lacks*) yang boleh diperbaiki. Dari aspek kehendak (*wants*) pelancong terhadap penggunaan bahasa Arab, beberapa cadangan telah dikenalpasti. Manakala dari aspek keperluan (*necessities*) modul Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam pula, tajuk-tajuknya perlu bersesuaian dan lebih menekankan aspek komunikasi.

Kata Kunci: Model Analisis Keperluan; Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam; kekurangan; kehendak; keperluan

Need Analysis Model of Arabic Language for Islamic Tourism

ABSTRACT

This study aims to develop a basic model for the Needs Analysis regarding Arabic for Islamic Tourism through integration of Naqli and Aqli. It is also intended for implementation in the city Kuala Lumpur since it is the center of tourists. The research sample (n=30) of the Arab tourists who were found around the city was used. The main findings of this study can be viewed from various aspects; Among the main factors of Saudi tourist attractions to Malaysia is lawful and Sharia-compliant hotels and facilities and products. From the perspective of Arabic language use, there are some deficiencies (*lacks*) that can be fixed. Yet from the aspect of the (*wants*) tourists' suggestions pertain the use of Arabic language were identified. While in terms of the (*necessities*) for the module of Arabic for Islamic Tourism, the topics of the module need to be appropriate and more emphasis should be put on communication.

Keywords: Needs Analysis Model, Arabic, Islamic, Tourism, Lacks, Wants, Necessities

Received: 10 Jun 2018

Accepted: 27 Jun 2018

Online Published: 30 Jun 2018